

Usaha JKKK Pelong berbaloi

PELONG - Usaha murni Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Pelong dan komuniti setempat mewujudkan Taman Pelancongan Konservasi Kelah Sungai Pelong mendapat perhatian di peringkat kebangsaan.

Pengerusi JKKK Pelong, Abdul Rahman@Shafie Abu Bakar berkata, taman pelancongan itu yang mula diusahakan pada tahun 2011 terpilih mewakili Terengganu dalam Pertandingan Anugerah Khas Sumber Air Sempena Hari Air Sedunia Peringkat Kebangsaan.

Menurutnya, pemilihan peringkat negeri dibuat Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri dan daerah apabila melihat kejayaan operasi berkenaan di kampung itu.

"JKKK dengan kerjasama Jabatan Perikanan negeri dan daerah, serta JPS mampu mengekalkan habitat dan suasana asal di kawasan sungai ini dengan memelihara ikan sungai termasuk kelah dilihat sebagai unik sehingga diketengahkan ke peringkat kebangsaan.

- "Komuniti di sini juga dididik menghargai air sungai sebagai sumber bersih, mendapat kerjasama baik dengan tidak memancing dan me-



Ikan kelah di sini jinak dan pengunjung dapat bermain dengannya.

lakukan sebarang aktiviti menangkap ikan seperti sebelum wujudnya taman pelancongan ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Abdul Rahman berkata, pihaknya baharu sahaja selesai membentangkan menganai Taman Pelancongan Konservasi Kelah Sungai Pelong Selasa lalu di JPS Seremban, Negeri Sembilan bagi tujuan pertandingan terbabit.

Dalam pada itu, beliau teruja dan berterima kasih kepada JPS kerana terpilih

dalam pertandingan itu yang disahkan hanya enam negeri menyertainya.

Taman Pelancongan Konservasi Ikan Kelah Sungai Pelong adalah kawasan pelancongan yang diwujudkan melalui pemeliharaan ikan sungai yang di biar bebas dalam satu kawasan.

Ikan di situ menjadi jinak dan pengunjung dapat bermain dengan ikan terbabit malah sering dikunjungi pelancong dari dalam dan luar negara termasuk dari negara Palestin dan Afrika.